


BULETIN USR 2022 | ISU 1

APA HABA Q HANGPA?



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

SEKALUNG BUDI



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat serta limpah kurnia-Nya dapat saya menukilkan sepatah dua kata di dalam buku 'Apa Habaq Hangpa Edisi Pertama. Buku ini merupakan salah satu cara untuk Bahagian Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat (ICAN) untuk menghambakan aktiviti bersama komuniti yang telah dilaksanakan oleh warga Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang sepanjang tahun 2022.

Apa Habaq Hangpa merupakan cetusan idea yang digarap dari 'Cherita ICAN' yang telah diterbitkan oleh pihak ICAN UiTM Shah Alam. Buku ini telah menghimpunkan pelbagai kerjasama komuniti, knowledge transfer dan kerja amal yang telah dilaksanakan onleh warga UiTM CPP kepada Masyarakat setempat.

Hasil buah tangan dari warga UiTM CPP ini bukan sahaja dikongsi bersama warga setempat di Pulau Pinang bahkan telah melebarkan sayapnya ke Sabah dan Sarawak. Untuk rekod, ini adalah sebahagian daripada keseluruhan projek yang dilaksanakan oleh warga UiTM CPP, terdapat banyak lagi projek yang tidak sempat untuk ketua projek membuat penulisan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang tenaga kerja

yang terdiri dari Warga UiTM Cawangan Pulau Pinang yang bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga demi untuk menjayakan program bersama masyarakat ini.

Sekalung penghargaan juga dititipkan kepada semua, tenaga kerja, editor yang bertungkus lumus untuk menyiapkan buku ini. Tidak dilupakan juga ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada penaja dan rakan strategik yang bermurah hati untuk memberikan hadiah, wang ringgit dan barangan keperluan untuk menjayakan program bersama masyarakat ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakaatuh.

**Anak itik terenang-renang,
Air pasang tenang-tenangan.
Budi walau sedikit takkan hilang
Itu menjadi kenang-kenangan.**

**Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli
Koordinator Bahagian Industri, Komuniti dan
Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang**